Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 24 April 2007.

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian. Bermula dari tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai piawaian perakaunan baru dan pindaan Financial Reporting Standards ("FRS") yang mandatori bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2006 seperti dinyatakan di Nota 2.3.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan bangunan, kenderaan tertentu, tanah perladangan jangka panjang dan jangka pendek, loji dan jentera, tanah pegangpajak dan tanah milik bebas yang termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan dan perbelanjaan pembangunan perladangan yang termasuk di dalam aset biologi yang mana diukur pada nilai saksama.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua angka adalah dibundarkan kepada ribu ("RM'000") yang terdekat selain dinyatakan.

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting

(a) Subsidiari dan Asas Penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti entiti-entiti tersebut. Kumpulan akan mengambilkira kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar semasa menentukan kuasa ke atas syarikat lain.

Di penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Di atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(a) Subsidiari dan Asas Penyatuan (samb.)

(ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya pada tarikh lembaran imbangan. Penyata kewangan subsidiari-subsidiari telah disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti Syarikat.

Subsidiari-subsidiari disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan iaitu tarikh di mana Kumpulan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan hingga kuasa dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki, urusanniaga, dan hasil atau rugi laba belum direalisasi di antara syarikat dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterimapakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urusanniaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilalihan subsidiari-subsidiari diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luarjangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, liabiliti-liabiliti berlaku atau dijangka dan instrumen ekuiti diterbitkan, ditambah kos-kos lain yang secara langsung disebabkan pengambilalihan.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan dengan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka dengan kos pengambilalihan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian serta merta.

Kepentingan minoriti merupakan bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih dalam subsidiari-subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ianya dinilai saksama atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti bahagian minoriti yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan dan atas perubahan dalam ekuiti subsidiari bahagian minoriti, selepas pengambilalihan.

(b) Syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan polisi-polisi penting terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi melalui perwakilan pengurusan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, perkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos berserta perkongsian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan rizab terkumpul selepas pengambilalihan. Di mana terdapat perubahan yang dinyatakan di dalam ekuiti syarikat bersekutu, perubahan tersebut juga dinyatakan di dalam Kumpulan.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(b) Syarikat Bersekutu (samb.)

Di dalam melaksanakan kaedah ekuiti, untung dan rugi belum direalisasikan ke atas transaksi di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan sehingga kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Selepas melaksanakan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan keperluan samada akan menyatakan sebarang pertambahan kerugian rosotnilai berkaitan dengan pelaburan bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Syarikat bersekutu diekuitikan dari tarikh Kumpulan mendapat pengaruh yang ketara sehingga ke tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara ke atas syarikat bersekutu.

Muhibah yang berkaitan dengan syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam nilai di bawa pelaburan tersebut dan tidak dilunaskan. Sebarang lebih daripada nilai semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini.

Apabila perkongsian Kumpulan dalam kerugian syarikat - syarikat bersekutu sama dengan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk apa - apa kepentingan jangka panjang pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat - syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya melainkan terdapat kewajipan atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Apabila bahagian kerugian kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang faedah jangka panjang terdiri sebahagian pelaburan bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan mereka telah mengalami tanggungan atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Kumpulan menggunakan penyata pendapatan beraudit yang terkini untuk mengguna pakai kaedah perakaunan ekuiti. Di mana tarikh penyata pendapatan beraudit syarikat bersekutu yang digunakan tidak selari dengan penyata pendapatan kumpulan, perkongsian hasil diambilkira daripada penyata pendapatan beraudit terakhir yang tersedia dan penyata pendapatan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan tersebut. Polisi perakaunan seragam adalah digunapakai untuk urusanniaga yang serupa dan keadaan - keadaan yang sama.

Dalam penyata pendapatan syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang rosotnilai kekal.

Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa dikenakan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos-kos berikutnya mengambilkira nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan sekiranya sesuai, apabila sudah nyata bahawa manfaat ekonomi yang berhubung dengan sebarang urusan akan menyalur ke Kumpulan dan kos boleh dikira dengan tepat. Nilai dibawa bagi bahagian diganti akan dinyahiktirafkan. Kesemua pembaikan dan peyelenggaraan akan diiktiraf ke penyata pendapatan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan kecuali bangunan, kenderaan tertentu, tanah perladangan jangka panjang dan jangka pendek, loji dan jentera, tanah pegangpajak dan tanah milik bebas dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Bangunan, kenderaan tertentu, tanah perladangan jangka panjang dan jangka pendek, loji dan jentera, tanah pegangpajak dan tanah milik bebas dinyatakan pada nilai semula, iaitu nilai saksama pada tarikh penilaian semula ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran yang dinilai oleh penilai profesional bebas. Nilai semula dibuat dengan nalar sesuai bagi memastikan nilai saksama sesuatu aset yang dinilai semula, tidak ketara berbeza daripada yang akan dinyatakan menggunakan nilai saksama pada tarikh lembaranimbangan.

Nilai semula dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setiap lima (5) tahun bagi memastikan nilai saksama sesuatu aset yang dinilai semula, tidak ketara perbezaannya daripada yang akan dinyatakan menggunakan nilai saksama pada tarikh lembaranimbangan. Sebarang lebih daripada nilai semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan lebih daripada penilaian sebelum ini bagi aset yang sama dan baki selebihnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset yang dinilai semula dilupuskan atau telah susut sepenuhnya, sebarang rizab penilaian semula aset berkenaan akan dipindahkan ke perolehan tertahan.

Tanah milikbebas mempunyai jangka hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Tanah pegangpajak	66 to 99 tahun
Bangunan	5% - 10%
Loji, jentera, peralatan, kenderaan dan pengubahsuaian	5% - 20%
Reban dan kandang ternakan	10% - 33.3%

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap akhir tahun bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susutnilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan anggaran corak penggunaan manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan bahagian lebih penilaian semula yang belum digunakan terus dimasukkan dalam perolehan tertahan.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(d) Aset Biologi

(i) Perbelanjaan Pembangunan Perladangan

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada kos penanaman yang dibelanjakan dari permulaan pembangunan sehingga tarikh kematangan tanaman.

Nilai semula dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setiap lima (5) tahun bagi memastikan nilai saksama sesuatu aset yang dinilai semula, tidak ketara perbezaannya daripada yang akan dinyatakan menggunakan nilai saksama pada tarikh lembaranimbangan. Sebarang lebih daripada nilai semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan lebih daripada penilaian sebelum ini bagi aset yang sama dan baki selebihnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset yang dinilai semula dilupuskan atau telah susut sepenuhnya, sebarang rizab penilaian semula aset berkenaan akan dipindahkan ke perolehan tertahan.

Pada 1 Januari 2006, perbelanjaan pembangunan ladang dikelaskan semula sebagai aset biologi.

Perubahan dalam pengelasan ini tidak mempunyai kesan perubahan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

(ii) Ternakan

Ternakan merupakan perbelanjaan tertunda yang dikenakan ke atas stok baka sehingga ianya matang. Perbelanjaan tertunda akan dilupuskan berdasarkan purata kitaran pengeluaran stok baka.

Perbelanjaan tertunda di bawa pada harga terendah di antara kos atau nilai pasaran yang ditentukan atas asas agregat. Kos ditentukan atas asas purata pasaran manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan pada harga jualan bersih semasa. Pada pelupusan ternakan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

(e) Kos Pembangunan Hartanah

Kos pembangunan hartanah mengandungi kos-kos terlibat secara langsung kepada aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diagihkan secara munasabah aktiviti tersebut.

Jika hasil aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan merujuk kepada kaedah peringkat penyediaan. Peringkat penyediaan diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan hartanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan hartanah.

Jika hasil pembangunan hartanah tidak boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah diiktiraf setakat kos pembangunan hartanah yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula, dan kos pembangunan hartanah bagi hartanah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia dikenakan.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(e) Kos Pembangunan Hartanah (samb.)

Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan termasuk tempoh tanggungan liabiliti diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset yang dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai boleh realis bersih.

Apabila hasil diiktiraf di dalam penyata pendapatan melebihi bayaran kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bayaran terhutang di dalam penghutang perdagangan dan apabila bayaran kepada pembeli melebihi hasil diiktiraf di dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bayaran kemajuan di dalam pemiutang perdagangan.

(f) Rosotnilai Aset-Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya, selain daripada kos pembangunan hartanah, inventori dan aset cukai tertunda bagi menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika sebarang petunjuk rosotnilai wujud, ianya dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut.

Bagi muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad, nilai yang boleh diperolehi dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai dibawa mungkin mengalami kerugian rosotnilai.

Bagi tujuan menguji rosotnilai aset, nilai boleh diperolehi adalah berdasarkan asas aset individu melainkan aset tidak menjana aliran tunai yang tidak bergantung sepenuhnya kepada aset-aset lain. Dalam kes ini, nilai boleh diperolehi adalah berdasarkan unit penjana tunai (CGU) kepada aset dipunyai tersebut. Muhibah diperolehi dalam kombinasi perniagaan dari tarikh pengambilalihan diagihkan kepada setiap CGU Kumpulan atau kumpulan-kumpulan CGU yang dijangka dimanfaatkan dari kombinasi sinergi, walaupun aset-aset atau liabiliti-liabiliti lain Kumpulan diberikan kepada unit-unit tersebut atau kumpulan-kumpulan unit.

Nilai boleh diperolehi aset adalah yang mana lebih tinggi dari aset atau nilai saksama CGU ditolak kos untuk menjual dengan nilai boleh diguna. Dalam mentaksir nilai boleh diguna, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan nilai masa tunai dalam pasaran semasa dan risiko tertentu kepada aset. Di mana nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperolehi, aset dianggap telah merosotnilai dan dikurangkan nilai kepada nilai boleh diperolehi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diagihkan terdahulu bagi mengurangkan nilai dibawa muhibah kepada unit-unit atau kumpulan-kumpulan unit, dan kemudiannya dikurangkan secara pro-rata kepada nilai dibawa aset-aset lain.

Rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh di mana ianya berlaku melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula yang mana rosotnilai diambilkira sebagai kurangan penilaian semula setakat mana rosotnilai tersebut tidak melebihi amaun aset yang sama di dalam rizab penilaian semula.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(f) Rosotnilai Aset-Aset Bukan Kewangan (samb.)

Rosotnilai muhibah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya. Rosotnilai selain daripada muhibah dibalikkan semula sekiranya ada perubahan anggaran digunakan bagi menentukan nilai boleh diperolehi dari rosotnilai diiktiraf terdahulu. Nilai dibawa bagi aset selain daripada muhibah akan ditambah kepada nilai boleh diperolehi yang dipinda, sekiranya amaun ini tidak melebihi nilai dibawa (ditolak susutnilai atau pelunasan) yang ditentukan sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun terdahulu. Pembalikan rosotnilai bagi aset selain muhibah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun penilaian semula yang mana dalam kes tersebut pembalikan ditunjukkan sebagai tambahan dalam penilaian semula.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada yang terendah antara kos (ditentukan pada asas sebenar) dan nilai boleh realis bersih. Dalam memperolehi nilai realis bersih, peruntukan dibuat untuk semua inventori lapuk dan yang bergerak perlahan. Kos-kos termasuk harga belian bahan dan perbelanjaan yang berkaitan.

Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran di dalam urusan biasa perniagaan ditolak semua kos anggaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

(h) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaranimbangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen berkenaan.

Instrumen kewangan adalah diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dikenakan terus ke ekuiti. Instrumen kewangan dikontra apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang dan berniat untuk menyelesaikannya secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan deposit dipanggil, ditolak baki overdraf bank.

(ii) Pelaburan Lain Bukan Semasa

Pelaburan lain bukan semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti yang dikawal bersama adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Apabila pelaburan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(h) Instrumen Kewangan (samb.)

(iii) Sekuriti Boleh Pasar

Sekuriti boleh pasar dibawa pada harga terendah di antara kos ditolak sebarang rosot nilai kekal dan nilai pasaran. Kos ditentukan atas asas purata wajaran manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran dicatat. Tambahan atau kurangan dalam jumlah dibawa bagi sekuriti boleh pasar diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila sekuriti boleh pasar dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian semula ke atas semua jumlah yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(v) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos, iaitu pada nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(vi) Pinjaman Berfaedah

Semua pinjaman mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada jumlah hasil diterima ditolak kos urusniaga secara langsung. Selepas diiktiraf, faedah pinjaman dinilai pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

(vii) Instrumen Kewangan Derivatif

Syarikat menggunakan instrumen kewangan derivatif, terutamanya kontrak-kontrak komoditi masa hadapan. Keuntungan atau kerugian timbul daripada kontrak-kontrak yang dimasuki sebagai sandaran yang telah dianggarkan urusniaga ditunda sehingga ke tarikh urusniaga tersebut, yang mana masa dikenakan termasuk pengukuran urusniaga-urusniaga tersebut. Keuntungan dan kerugian kontrak-kontrak tidak lagi ditentukan sebagai sandaran dimasukkan di dalam penyata pendapatan.

(viii) Instrumen Ekuiti

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas syer biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

(i) Kos Pinjaman

Kos pinjaman yang secara langsung berkait dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, di mana aset ini mengambil tempoh masa yang agak lama untuk sampai ke tahap untuk digunakan atau dijual akan diambil kira sebagai sebahagian daripada kos aset, sehingga masa aset sedia untuk digunakan atau dijual. Untuk pinjaman yang khas untuk tujuan memperolehi aset layak, jumlah kos pinjaman yang layak untuk diambil kira ialah kos pinjaman yang benar-benar digunakan untuk pinjaman tersebut ditolak sebarang pendapatan pelaburan untuk pelaburan sementara pinjaman tersebut.

Semua kos pinjaman yang lain diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai kos pada masa ia digunakan.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(j) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan yang dijangkakan perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan melalui kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Menurut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang tertakluk kepada cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai yang belum digunakan sekiranya kemungkinan terdapat keuntungan bercukai yang boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang dibenarkan, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada masa aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia adalah dihasilkan daripada transaksi yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda itu dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti, atau ia adalah hasil daripada penggabungan perniagaan yang berkaitan dengan pengambilalihan, di mana cukai tertunda akan disertakan di dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

(k) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi kini hasil daripada kejadian lampau dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan dikaji pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah didiskaun pada kadar pra-cukai yang mencerminkan risiko khusus yang ditanggung. Bila kaedah mendiskaun digunakan, tambahan kepada peruntukan kerana jangka masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(l) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Kumpulan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(l) Manfaat Pekerja (samb.)

(ii) Rancangan Caruman Tertentu

Rancangan caruman tertentu adalah rancangan manfaat persaraan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada syarikat berasingan atau tabung dan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab disisi undang-undang atau tanggungan konstruktif untuk meneruskan bayaran caruman sekiranya mana-mana tabung tidak mempunyai aset yang mencukupi berkaitan khidmat pekerja dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung dan rugi apabila berlaku. Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, Kumpulan perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(iii) Rancangan Manfaat Tertentu

Rancangan caruman tertentu adalah rancangan manfaat persaraan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada syarikat berasingan atau tabung dan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab disisi undang-undang atau tanggungan konstruktif untuk meneruskan bayaran caruman sekiranya mana-mana tabung tidak mempunyai aset yang mencukupi berkaitan khidmat pekerja dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung dan rugi apabila berlaku. Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, Kumpulan perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

Kumpulan mengendalikan satu manfaat tertentu Skim Manfaat Persaraan ("Skim") yang tidak dibiayai untuk pekerja yang layak. Tanggungan Kumpulan di bawah Skim ini adalah ditentukan menggunakan Kaedah Peramalan Unit Kredit berdasarkan kepada penilaian aktuari bebas di mana jumlah manfaat yang telah diganjarkan kepada pekerja sebagai pulangan bagi perkhidmatan mereka bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya.

Keuntungan atau kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan kepada anggaran purata hayat kerja pekerja apabila keuntungan atau kerugian aktuari kumulatif tidak diiktiraf bagi Skim melebihi 10% dari yang tertinggi dari nilai kini obligasi rancangan manfaat dan nilai saksama rancangan aset. Kos khidmat terdahulu diiktiraf serta merta setakat mana manfaat telah diletak hak dan ataupun dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat pindaan diletak hak.

Amaun diiktiraf dalam lembaran imbangan mewakili nilai kini rancangan manfaat tertentu dilaraskan bagi keuntungan atau kerugian aktuari dan kos khidmat terdahulu tidak diiktiraf, dan dikurangkan oleh nilai saksama rancangan aset. Sebarang aset terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada jumlah bersih dari kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos khidmat terdahulu, dan nilai kini manfaat ekonomi dalam bentuk pulangan atau pengurangan caruman rancangan di masa hadapan.

(m) Matawang Asing

(i) Fungsi dan Pembentangan Matawang

Penyata kewangan individu setiap syarikat di dalam Kumpulan dinilai menggunakan matawang utama persekitaran ekonomi di mana syarikat beroperasi ("fungsi matawang"). Penyata kewangan disatukan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang mana adalah juga fungsi matawang Syarikat.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(m) Matawang Asing (samb.)

(ii) Urusniaga Matawang Asing

Di dalam penyediaan penyata kewangan individu entiti, urusniaga dalam matawang asing selain daripada matawang fungsi entiti (matawang asing) adalah diambilkira dalam matawang fungsi dengan menggunakan kadar tukaran wang asing pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbalan, item kewangan yang telah dibentangkan dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar tukaran wang asing pada tarikh lembaran imbalan.

Item bukan kewangan yang dinilai dengan nilai saksama dibentangkan dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar tukaran wang asing pada tarikh nilai saksama ditentukan. Item bukan kewangan yang dicatat pada kos sejarah dalam matawang asing adalah tidak diterjemahkan.

Tukaran wang asing yang terbit dari penyelesaian butiran kewangan, dan dari terjemahan semula butiran kewangan, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali untuk perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan.

Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan di mana butiran kewangan tersebut diterjemahkan dalam sama ada matawang fungsi entiti pelapor atau operasi asing, akan diambil secara terus dari rizab tukaran wang asing di dalam ekuiti sehingga pelupusan operasi tersebut, di mana ia akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan di mana butiran kewangan tersebut diterjemahkan dalam matawang selain daripada matawang fungsi sama ada entiti pelapor atau operasi asing, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Syarikat, tanpa menghiraukan matawang butiran kewangan, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan atau penyata kewangan operasi asing, mengikut kesesuaian.

Tukaran wang asing yang terbit daripada terjemahan item bukan kewangan yang dibawa dari nilai saksama akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali untuk perbezaan yang terbit daripada item bukan kewangan yang berkaitan dengan untung dan rugi yang diiktiraf secara terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran wang asing yang terbit daripada item bukan kewangan akan terus juga diiktiraf di dalam ekuiti.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(n) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila sudah nyata bahawa manfaat ekonomi yang berhubung dengan urusanniaga akan menyalur ke Kumpulan, dan jumlah pendapatan boleh dikira dengan tepat. Berikut adalah kriteria spesifik pengiktirafan yang perlu ada sebelum pendapatan diiktiraf:

(i) Jualan Barang-barang

Pendapatan berkaitan dengan jualan barangniaga diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun, apabila risiko dan manfaat dipindahkan kepada pembeli. Pendapatan tidak diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Syarikat dan nilai pendapatan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, berkaitan dengan kos atau kemungkinan barang dipulangkan.

(ii) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan dari perkhidmatan yang diberi diiktiraf selepas cukai perkhidmatan dan diskaun bilamana perkhidmatan dilakukan.

(iii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan akruan menggunakan kadar faedah berkesan.

(iv) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang syer untuk menerima bayaran telah terbukti.

(v) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf bila perkhidmatan dijalankan.

(vi) Pendapatan Tertunda

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan pendahuluan pembayaran diterima daripada pembekal yang mana dilunaskan berdasarkan bekalan minyak kelapa sawit mentah.

(o) Muhibah

Muhibah diperoleh dalam kombinasi perniagaan pada mulanya dinilai pada kos yang merupakan lebihan kos kombinasi perniagaan oleh kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti. Selepas dikenalpasti, muhibah dinilai pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan tetapi diteliti bagi rosotnilai secara tahunan atau lebih kerap sekiranya berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang boleh menyebabkan nilai dibawa dirosotnilai. Untung atau rugi atas pelupusan syarikat adalah termasuk nilai muhibah dibawa dalam syarikat yang dijual.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

(p) Pajak

(i) Pengkelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika kesemua risiko dan manfaat berkenaan dengan hakmilik dipindahkan secara besarannya kepada Kumpulan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan sama seperti pajakan aset-aset lain dan elemen tanah dan bangunan secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan.

(ii) Pajak kewangan - Kumpulan sebagai penerima pajak

Aset yang diperolehi secara sewabeli atau pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah yang bersamaan dengan nilai saksama atau bayaran nilai kini minima pajakan pada permulaan pajakan, yang mana lebih rendah, setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan dimasukkan di dalam lembaran imbangan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan bayaran nilai kini minima pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, jika ia adalah praktikal untuk ditentukan; atau sebaliknya, kadar pinjaman tambahan Syarikat akan digunakan. Sebarang kos permulaan secara langsung juga ditambah kepada nilai dibawa oleh aset berkenaan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan kurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan, yang merupakan perbezaan di antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama perolehan aset, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan di sepanjang jangka masa pajakan tersebut untuk membolehkan penghasilan satu kadar tempoh faedah yang berkala ke atas baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset pajakan adalah sejajar dengan susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(c).

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan, Kesan dan Perubahan dalam Perbandingan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan

Pada 1 Januari 2006, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS berikut yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula dari atau selepas 1 Januari 2006:

FRS 2	<i>Pembayaran Berasaskan Syer</i>
FRS 3	<i>Kombinasi Perniagaan</i>
FRS 5	<i>Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual dan Pemberhentian Operasi</i>
FRS 101	<i>Pembentangan Penyata Kewangan</i>
FRS 102	<i>Inventori</i>
FRS 108	<i>Polisi-Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan</i>
FRS 110	<i>Peristiwa Selepas Tarikh Lembaran Kewangan</i>
FRS 116	<i>Hartanah, Loji dan Peralatan</i>
FRS 121	<i>Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Matawang Asing</i>
FRS 127	<i>Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan</i>
FRS 128	<i>Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu</i>
FRS 131	<i>Pelaburan di dalam Syarikat Usahasama</i>
FRS 132	<i>Instrumen Kewangan: Penyataan dan Pembentangan</i>
FRS 133	<i>Perolehan Sesyer</i>
FRS 136	<i>Rosotnilai Aset-aset</i>
FRS 138	<i>Aset Tidak Ketara</i>
FRS 140	<i>Pelaburan Hartanah</i>

Kumpulan tidak menerima pakai lebih awal FRS 117 Pajakan, FRS 124 Pembentangan Pihak Berkaitan dan pindaan FRS 139 : Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, yang telah ditunda dan juga pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007:

(i) FRS 6: Eksplorasi Untuk Dan Evaluasi Sumber Mineral

FRS 6 adalah tidak berkaitan dengan operasi Kumpulan.

(ii) Pindaan kepada FRS 1192004: Manfaat Pekerja – Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Rancangan Kumpulan dan Penyataan

Pindaan ini memperkenalkan opsyen pendekatan pengiktirafan alternatif bagi keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul dari rancangan manfaat persaraan tertentu. Ia mungkin mengenakan tambahan keperluan pengiktirafan bagi, rancangan pelbagai majikan bilamana maklumat yang ada tidak mencukupi untuk melaksanakan perakaunan manfaat tertentu. Ia juga akan menambah keperluan pembentangan. Memandangkan Kumpulan tidak berhasrat untuk menukar polisi perakaunan diterimapakai untuk pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari dan tidak terlibat dalam mana-mana pelbagai rancangan majikan, menerima pakai pindaan ini hanya memberi kesan kepada format dan pembentangan di penyata kewangan. Kumpulan akan menggunakan pindaan ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2007.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan, Kesan dan Perubahan dalam Perbandingan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (samb.)

Pada 15 Februari 2007, MASB telah mengeluarkan perubahan-perubahan kepada FRS dan terjemahan (ICs) bagi Entiti-Entiti Selain Dari Entiti-Entiti Persendirian berikut:

- (i) Perubahan kepada FRS 121, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Matawang Asing - Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing;
- (ii) IC Terjemahan 1, Perubahan-perubahan dalam "Decommissioning", Pemulihan dan Liabiliti-Laibiliti Bersamaan Berikutnya;
- (iii) IC Terjemahan 2, Syer milik Ahli-Ahli Dalam Entiti-Entiti Koperasi dan Instrumen-Instrumen Berkaitan;
- (iv) IC Terjemahan 5, Hak-hak kepada Faedah-Faedah timbul daripada "Decommissioning", Pemulihan dan Dana-Dana Pemulihan Alam Semulajadi;
- (v) IC Terjemahan 6, Liabiliti-Liabiliti timbul daripada Penglibatan dalam Pasaran Tertentu - Elektrikal Buangan, Peralatan Elektrikal;
- (vi) IC Terjemahan 7, Merima pakai dan Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 1292004 Laporan Kewangan dalam Ekonomi Hiper Inflasi; dan
- (vii) IC Terjemahan 8, Skop FRS 2 Pembayaran Berasaskan Syer.

Perubahan-perubahan ke atas FRS and IC adalah berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007: Penerimaan pakai permulaan Perubahan-Perubahan FRS 121 dan IC Terjemahan 1 tidak memberi sebarang kesan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Lain-lain IC yang telah dikeluarkan seperti di atas adalah tidak berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat.

Mengguna pakai FRS baru dan pindaan 2, 5, 102, 108, 110, 121, 127, 128, 131, 132, 133, 136, 138 dan 140 tidak membawa kepada perubahan penting dalam polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Perubahan utama dalam polisi-polisi perakaunan dan kesan-kesan penerimaan pakai daripada FRS baru dan pindaan yang lain dibincangkan di bawah:

(a) FRS 3: Kombinasi Perniagaan

Mengikut peruntukan peralihan, FRS 3 telah digunapakai untuk kombinasi perniagaan yang mana tarikh perjanjian adalah pada atau selepas 1 Januari 2006.

Lebih syer Kumpulan dalam nilai saksama bersih dalam aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka Syarikat yang diambil alih (sebelum ini dikenali sebagai muhibah negatif)

Sebelum 1 Januari 2006, muhibah negatif dilunaskan berdasarkan purata wajaran jangka hayat aset bukan kewangan diperolehi, melainkan sehingga jangkaan kerugian-kerugian masa hadapan yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan. Dalam kes berkenaan, ianya dikenakan keuntungan atau kerugian sepertimana dijangkakan akan berlaku. Di bawah FRS 3, sebarang lebih faedah Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset dikenalpasti kepunyaan yang diambilalih, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti luarjangka ke atas kos pengambilalihan, selepas penilaian semula akan dikenalpasti dalam untung atau rugi. Berdasarkan peruntukan-peruntukan peralihan FRS 3, muhibah negatif pada 1 Januari 2006 berjumlah RM5,064,918 telah tidak dikenalpasti dengan pertambahan dalam perolehan tertahan.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan, Kesan dan Perubahan dalam Perbandingan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (samb.)

(a) FRS 3: Kombinasi Perniagaan (samb.)

Disebabkan penyemakan semula dasar perakaunan dikuatkuasa secara kehadapan, perubahan-perubahan tidak mempunyai kesan ke atas laporan 2005 atau tempoh-tempoh sebelumnya. Kesan-kesan imbalan duga disatukan pada 31 Disember 2006 dinyatakan di Nota 2.3(c)(i). Perubahan ini tidak memberi kesan ke atas penyataan kewangan Syarikat.

(b) FRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan

(i) Kepentingan Minoriti

Sebelum 1 Januari 2006, kepentingan minoriti pada tarikh lembaran imbalan dibentangkan secara berasingan pada tarikh lembaran kewangan disatukan daripada liabiliti-liabiliti dan ekuiti. Dengan menerima pakai pindaan FRS 101, kepentingan minoriti sekarang dibentangkan di dalam jumlah ekuiti. Di dalam penyata pendapatan disatukan, kepentingan minoriti dibentangkan sebagai agihan jumlah keuntungan atau kerugian bagi tahun. Penyata perubahan dalam ekuiti juga memerlukan cara yang lebih kurang sama. Pindaan FRS 101 juga memerlukan pembentangan di atas permukaan penyata perubahan dalam ekuiti, jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun, menunjukkan secara berasingan amaun boleh agih kepada pemegang ekuiti Syarikat dan kepentingan minoriti.

Sebelum 1 Januari 2006, bahagian cukai syarikat bersekutu dan entiti-entiti dikawal bersama di dalam Kumpulan telah diakaunkan menggunakan cara ekuiti dimasukkan sebahagian perbelanjaan cukai Kumpulan dalam penyata pendapatan disatukan. Selepas penerimaan pakai pindaan FRS 101, bahagian cukai syarikat bersekutu dan entiti-entiti dikawal bersama diakaunkan menggunakan cara ekuiti telah termasuk di dalam bahagian keuntungan atau kerugian telah dilaporkan dalam penyata pendapatan disatukan sebelum memperolehi keuntungan atau kerugian sebelum cukai Kumpulan.

(ii) Aset Biologi

Pada 1 Januari 2006, perbelanjaan pembangunan perladangan telah diklasifikasikan daripada kepada aset biologi bagi mematuhi peruntukan-peruntukan pendedahan FRS 101. Perbelanjaan tertunda yang berkaitan dengan ternakan juga telah diklasifikasikan sebagai aset biologi.

(c) Ringkasan kesan-kesan dan perubahan-perubahan timbul daripada menerima pakai FRS baru dan pindaan

Jadual berikut menunjukkan setakat mana setiap perkara dalam lembaran imbalan pada 31 Disember 2006 samada lebih tinggi atau rendah dari apa yang sepatutnya sekiranya polisi-polisi terdahulu telah digunakan bagi tahun semasa:

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan, Kesan dan Perubahan dalam Perbandingan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (samb.)

(c) Ringkasan kesan-kesan dan perubahan-perubahan timbul daripada menerima pakai FRS baru dan pindaan (samb.)

(i) Kesan ke atas lembaran imbangan pada 31 Disember 2006

Huraian Perubahan	Tambahan/ (Kurangan) FRS 110 Nota 2.3 (b) RM'000
Kumpulan	
Hartanah, loji dan peralatan	(360,005)
Ternakan	(758)
Aset biologi	360,763
Perolehan tertahan	5,065
Muhibah negatif	(5,065)
<hr/>	
Syarikat	
Hartanah, loji dan peralatan	(27,535)
Aset biologi	27,535
<hr/>	

(ii) Perbandingan Dinyatakan Semula

Huraian Perubahan	Sebagaimana Dinyatakan Sebelum Ini RM'000	Tambahan/ (Kurangan) RM'000	Dinyatakan Semula RM'000
Pada 31 Disember 2005			
Kumpulan			
Hartanah, loji dan peralatan	599,022	(359,820)	239,202
Ternakan	690	(690)	-
<hr/>			
Aset biologi	-	360,510	360,510
<hr/>			
Syarikat			
Hartanah, loji dan peralatan	61,014	(27,535)	33,479
<hr/>			
Aset biologi	-	27,535	27,535

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Perubahan Dalam Penganggaran

Pindaan pada FRS 116: Hartanah, Loji dan Peralatan memerlukan penelitian nilai sisa dan hayat kegunaan untuk sesuatu hartanah, loji dan peralatan pada setiap tarikh lembaran imbalan. Kumpulan telah meminda nilai sisa bangunan tertentu dan hayat kegunaan loji dan jentera dari lima sehingga lapan tahun bermula daripada 1 Januari 2006. Pindaan tersebut telah diambilkira secara prospektif sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perubahan ini tidak membawa kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2.5 Anggaran Kritikal Ketara dan Penilaian

(a) Sumber Utama Untuk Ketidakpastian Anggaran

Andaian utama berkaitan dengan masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai risiko ketara dan menyebabkan suatu perubahan ketara kepada nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya akan dibincangkan seperti di bawah:

(i) Rosotnilai hartanah, loji dan peralatan

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan telah mengiktiraf kerugian rosotnilai bagi hartanah, loji dan peralatan. Kumpulan telah melakukan ujian rosotnilai berdasarkan pelbagai anggaran. Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2006 masing-masing adalah RM243,474,000 (2005: RM239,203,000) and RM36,934,000 (2005: RM33,479,000). Maklumat lanjut mengenai kerugian rosotnilai dinyatakan di Nota 10.

(ii) Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Anggaran ketara pengurusan adalah diperlukan untuk menentukan amaun cukai tertunda aset yang boleh diiktirafkan berasaskan kemungkinan masa dan tahap keuntungan boleh cukai akan datang dengan strategi perancangan cukai akan datang. Nilai bawaan kerugian cukai diiktiraf dan kredit cukai Kumpulan adalah RM4,083,000 (2005: RM1971,000,000) dan kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna bagi Kumpulan adalah RM61,813,000 (2005: RM33,459,000).

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

3. PENDAPATAN

Pendapatan Kumpulan dan Syarikat adalah terdiri daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Jualan barangan	151,886	176,831	11,880	18,175
Perkhidmatan	42,565	23,477	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari-subsidiari	-	-	21,154	-
Yuran pengurusan daripada subsidiari-subsidiari	-	-	5,200	5,200
	194,451	200,308	38,234	23,375

Pendapatan Kumpulan merupakan jumlah jualan barang-barang dan perkhidmatan yang diinbois selepas mengambil kira diskaun jualan dan barang pulangan serta mengecualikan urusniaga antara kumpulan.

4. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan faedah di atas:				
- overdraf bank	335	129	333	126
- pinjaman	5	(2)	-	-
- kredit pusingan	63	42	-	-
- sewabeli	24	17	12	12
- syer pinjaman	-	15	-	-
- lain-lain	11	92	-	-
	438	293	345	138

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

5. KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

Amaun-amaun berikut telah dimasukkan dalam mendapatkan keuntungan/(kerugian)sebelum cukai:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 6)	12,786	14,768	2,089	2,748
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 7)	614	440	325	223
Yuran juruaudit				
- tahun semasa	207	215	55	50
- lebihan peruntukan pada tahun-tahun sebelumnya	-	(5)	-	-
Perlunasan perbelanjaan tertunda (Nota 11)	986	1,017	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 10)	14,111	12,282	1,358	1,444
Aset biologi dihapuskira (Nota 11)	53	-	-	-
Sewa premis	2,653	2,347	270	240
Sewa peralatan	104	6	45	6
Sewa tanah	2	2	-	-
Hapuskira inventori	221	40	-	-
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan (Nota 10)	1,809	52	1,536	-
(Keuntungan)/kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan	(504)	204	-	135
Peruntukan hutang ragu	5,537	3,055	786	11,524
Peruntukan rosotnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 10)	915	6,013	-	2,193
Kerugian atas jualan pelaburan	-	324	-	-
Hutang lapuk dihapuskira	-	22	-	-
Royalti	198	204	-	-
Peruntukan rosotnilai inventori	-	46	-	-
Peruntukan kerugian rosotnilai				
kos pembangunan hartanah	1,583	-	-	-
Peruntukan rosotnilai pelaburan	800	500	800	1,233
Manfaat persaraan	48	48	-	-
Perbelanjaan penanaman semula	5,500	7,487	-	-
Penerimaan dividen	(706)	(1,035)	(21,154)	-
Pajakan sewaan terdahulu tidak diperlukan lagi	-	(236)	-	-
Pendapatan faedah	(3,734)	(239)	-	-
Perlunasan muhibah negatif syarikat bersekutu (Nota 25)	-	(5,269)	-	-
Pemiutang dinyatakan semula	(6,652)	-	(2,640)	-
Pendapatan sewaan	(148)	(5,905)	-	(5,740)
Peruntukan hutang ragu dinyatakan semula	(50)	(66)	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dikenakan semula	(1,114)	(836)	-	-
Yuran pengurusan dikenakan kepada subsidiari-subsidiari	-	-	(5,200)	(5,200)

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

6. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Upah, gaji dan elaun	1,285	11,751	1,702	2,383
Rancangan caruman tertentu	1,295	1,419	306	291
PERKESO	271	271	13	15
Rancangan manfaat tertentu (Nota 24)	(85)	1,155	57	52
Peruntukan cuti tahunan	20	172	11	7
	12,786	14,768	2,089	2,748

Termasuk di dalam kos pekerja Kumpulan dan Syarikat adalah ganjaran pengarah eksekutif masing-masing berjumlah RM426,000 (2005: RM375,000) dan RM424,000 (2005: RM306,000) seperti yang dinyatakan selanjutnya di Nota 7.

7. GANJARAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<i>Ganjaran pengarah eksekutif (Nota 6):</i>				
Yuran	42	34	40	27
Gaji dan emolumen lain	335	306	335	259
Bonus	49	35	49	20
	426	375	424	306
<i>Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 5)</i>				
Yuran dan emolumen lain	454	350	325	223
Elaun pengerusi	160	90	-	-
	614	440	325	223
Jumlah ganjaran pengarah	1,040	815	749	529
Anggaran nilai manfaat barangan	38	28	25	28
Jumlah ganjaran pengarah termasuk manfaat barangan	1,078	843	774	557

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

7. GANJARAN PENGARAH (SAMB.)

Bilangan para pengarah Syarikat mengikut turutan jumlah ganjaran sepanjang tahun adalah seperti analisa di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2006	2005
Pengarah eksekutif:		
RM300,001 - RM350,000	-	1
RM350,001 - RM400,000	-	-
RM400,001 - RM450,000	1	-
Pengarah bukan eksekutif:		
Bawah RM50,000	6	5
RM50,000 - RM100,000	1	-

8. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006	2005	2006	2005
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan bagi tahun:				
Cukai pendapatan Malaysia	11,053	6,300	7,163	1,179
Cukai tertunda (Nota 26):				
-(Lebihan)/kurangan peruntukan dalam tahun lepas	(1,461)	1,708	(2,181)	-
-Berkaitan dengan perbezaan sementara asal dan dibalik semula	(480)	(1,947)	-	(2,312)
	(1,748)	-	-	-
-Berkaitan dengan perubahan kadar cukai	(3,689)	(239)	(2,181)	(2,312)
	63	239	-	-
Kurangan peruntukan bagi tahun-tahun lepas	7,427	6,300	4,982	(1,133)

Kadar cukai semasa dikira pada kadar cukai berkanun 28% (2005: 28%) ke atas keuntungan boleh taksir bagi tahun semasa. Kadar cukai berkanun akan dikurangkan dari kadar cukai semasa 28% kepada 27% berkuatkuasa daripada tahun taksiran 2007 dan kepada 26% berkuatkuasa daripada tahun taksiran 2008. Pengiraan cukai tertunda pada 31 Disember 2006 telah mengambilkira perubahan ini.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

8. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Berkuatkuasa pada tahun taksiran 2004, kadar cukai korporat untuk syarikat - syarikat dengan modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke bawah pada permulaan jangka masa asas pada tahun taksiran adalah seperti berikut:

Pendapatan dikenakan cukai	Kadar
RM500,000 pertama	20%
Nilai melebihi RM500,000	28%

Penyesuaian di antara perbelanjaan cukai pendapatan ke atas keuntungan sebelum cukai dengan menggunakan kadar cukai yang telah ditetapkan dan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2006	2005
	RM'000	RM'000
Kumpulan		
Keuntungan sebelum cukai	27,323	22,740
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2005: 28%)	7,650	6,367
Cukai insentif didapati daripada perbezaan kadar cukai 20%*	(1,748)	(40)
Kesan perubahan kadar cukai pada baki awal cukai tertunda	(40)	-
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(269)	(3,224)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	2,615	743
Penggunaan kerugian cukai dan elaun modal tidak diambilkira pada tahun-tahun lepas	(815)	(33)
Aset cukai tertunda tahun semasa yang diiktiraf	(590)	(488)
Aset cukai tertunda tahun semasa yang tidak diiktiraf	2,022	1,028
Cukai tertunda (terlebih)/terkurang peruntukan pada tahun-tahun lepas	(1,461)	1,708
Cukai pendapatan terkurang peruntukan pada tahun-tahun lepas	63	239
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun	7,427	6,300

* subsidiari tertentu yang mempunyai modal syer terbitan berbayar kurang daripada RM2.5 juta adalah layak untuk menikmati insentif ini pada tahun semasa.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

8. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Syarikat	2006 RM'000	2005 RM'000
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	24,252	(9,077)
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2005: 28%)	6,791	(2,542)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(269)	(392)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	1,013	1,801
Penggunaan kerugian cukai dan elaun modal tidak diambilkira pada tahun-tahun lepas	(726)	-
Cukai tertunda aset tidak diiktiraf pada tahun	354	-
Cukai tertunda terlebih peruntukan pada tahun-tahun lepas	(2,181)	-
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun	4,982	(1,133)

Penjimatan cukai pada tahun kewangan timbul daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Penggunaan kerugian cukai tahun semasa	-	664	-	-
Penggunaan kerugian cukai dibawa ke hadapan	1,585	1,307	1,938	561
Penggunaan elaun modal tahun semasa	5,373	-	847	-
Penggunaan pelepasan kumpulan	417	-	-	-

9. PENDAPATAN SESYER

Asas

Pendapatan asas sesyer dikira dengan membahagikan keuntungan diagihkan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat bagi tahun dengan purata wajaran bilangan syer biasa yang diterbitkan di sepanjang tahun kewangan yang dipegang oleh Syarikat.

	Kumpulan	
	2006	2005
Keuntungan diagihkan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat (RM'000)	19,408	16,565
Bilangan purata wajaran syer biasa yang diterbitkan ('000 unit)	215,524	215,524
Pendapatan asas sesyer (sen)	9.01	7.69

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan RM'000	Tanah pegang pajak perladangan jangka pendek dan jangka panjang RM'000	Loji, jentera, peralatan, kendaraan dan pengubahsuaian RM'000	Reban dan kandang ternakan RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
KUMPULAN							
Pada 31 Disember 2006							
Kos atau penilaian							
<i>Pada 1 Januari 2006</i>							
Pada Kos	95	32,526	2,463	36,593	472	14,560	86,709
Pada Penilaian	800	13,094	177,663	66,826	-	-	258,383
	895	45,620	180,126	103,419	472	14,560	345,092
Tambahan	-	1,322	262	15,614	22	3,996	21,216
Jualan	-	(152)	-	(190)	-	-	(342)
Pengelasan semula	1,869	(2,200)	(1,864)	2,195	-	-	-
Hapuskira	-	(310)	-	(2,502)	-	-	(2,812)
Pada 31 Disember 2006	2,764	44,280	178,524	118,536	494	18,556	363,154
<i>Mewakili:</i>							
Pada Kos	1,964	25,844	2,725	55,188	494	18,556	104,771
Pada Penilaian	800	18,436	175,799	63,348	-	-	258,383
Pada 31 Disember 2006	2,764	44,280	178,524	118,536	494	18,556	363,154
<i>Susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul</i>							
<i>Pada 1 Januari 2006</i>							
Susutnilai dikenakan bagi tahun (Nota 5)	-	33,588	11,282	55,978	352	4,690	105,890
Kerugian rosotnilai bagi tahun (Nota 5)	-	1,459	3,669	8,950	33	-	14,111
Pengelasan semula	-	866	-	-	-	49	915
Jualan	-	459	(45)	(414)	-	-	-
Hapuskira	-	(152)	-	(190)	-	-	(342)
Pada 31 Disember 2006	-	(130)	-	(873)	-	-	(1,003)
	-	36,090	14,906	63,451	385	4,739	119,571

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan RM'000	Tanah pegang pajak perladangan jangka pendek dan jangka panjang RM'000	Loji, jentera, peralatan, kenderaan dan pengubahsuaian RM'000	Reban dan kandang ternakan RM'000	Kerja dalam peraksanaan RM'000	Jumlah RM'000
KUMPULAN							
Dianalisa sebagai:							
Susutnilai terkumpul	-	35,224	14,906	59,223	385	2,954	112,692
Rosotnilai terkumpul	-	866	-	4,228	-	1,785	6,879
	-	36,090	14,906	63,451	385	4,739	119,571
Nilai bawaan bersih							
Pada kos	1,964	6,490	(12,181)	21,829	109	13,817	32,028
Pada penilaian semula	800	1,700	175,799	33,256	-	-	211,555
Pada 31 Disember 2006	2,764	8,190	163,618	55,085	109	13,817	243,583
Pada 31 Disember 2005							
Kos atau penilaian							
Pada 1 Januari 2005							
Pada Kos	95	32,570	1,320	32,773	395	11,237	78,390
Pada Penilaian	800	15,186	178,235	64,162	-	-	258,383
	895	47,756	179,555	96,935	395	11,237	336,773
Tambahan	-	233	1,387	6,225	77	4,340	12,262
Penilaian defisit	-	(2,340)	-	-	-	-	(2,340)
Jualan	-	-	-	(591)	-	-	(591)
Hapuskira	-	-	-	1,017	-	(1,017)	-
Pindahan	-	-	(816)	-	-	-	(816)
Hapuskira	-	(29)	-	(160)	-	-	(189)
Pelarasan	-	-	-	(7)	-	-	(7)
Pada 31 Disember 2005	895	45,620	180,126	103,419	472	14,560	345,092
Mewakili:							
Pada Kos	95	32,526	2,463	36,593	472	14,560	86,709
Pada Penilaian	800	13,094	177,663	66,826	-	-	258,383
Pada 31 Disember 2005	895	45,620	180,126	103,419	472	14,560	345,092

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan RM'000	Tanah pegang pajak perladangan jangka pendek dan jangka panjang RM'000	Loji, jentera, peralatan, kenderaan dan pengubahsuaian RM'000	Reban dan kandang ternakan RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
KUMPULAN							
Susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul							
Pada 1 Januari 2005	-	32,978	7,824	45,676	332	2,905	89,715
Susutnilai dikenakan bagi tahun (Nota 5)	-	2,174	3,458	6,630	20	-	12,282
Kerugian rosotnilai bagi tahun (Nota 5)	-	-	-	4,228	-	1,785	6,013
Defisit penilaian semula	-	(1,556)	-	-	-	-	(1,556)
Jualan	-	-	-	(427)	-	-	(427)
Hapuskira	-	(8)	-	(129)	-	-	(137)
Pada 31 Disember 2005	-	33,588	11,282	55,978	352	4,690	105,890
Nilai bawaan bersih							
Pada kos	95	10,290	756	21,590	120	9,870	42,721
Pada penilaian semula	800	1,742	168,088	25,851	-	-	196,481
Pada 31 Disember 2005	895	12,032	168,844	47,441	120	9,870	239,202

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Tanah perladangan pegawai dan bangunan RM'000	Jentera, peralatan dan kenderaan RM'000	Kerja dalam peraksanaan RM'000	Pengubahsuaian RM'000	Jumlah RM'000
SYARIKAT					
Pada 31 Disember 2006					
Kos atau penilaian					
<i>Pada 1 Januari 2006</i>					
<i>Pada Kos</i>	737	4,068	3,180	346	8,331
<i>Pada Penilaian</i>	33,148	-	-	-	33,148
	33,885	4,068	3,180	346	41,479
<i>Tambahan</i>	247	396	914	4,792	6,349
<i>Pelupusan</i>	-	-	-	(1,536)	(1,536)
<i>Pada 31 Disember 2006</i>	34,132	4,464	4,094	3,602	46,292
<i>Mewakili:</i>					
<i>Pada kos</i>	984	4,464	4,094	3,602	13,144
<i>Pada penilaian</i>	33,148	-	-	-	33,148
<i>Pada 31 Disember 2006</i>	34,132	4,464	4,094	3,602	46,292
Susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul					
<i>Pada 1 Januari 2006</i>					
<i>Susutnilai dikenakan bagi tahun (Nota 5)</i>	2,513	3,341	1,801	345	8,000
	743	615	-	-	1,358
<i>Pada 31 Disember 2006</i>	3,256	3,956	1,801	345	9,358
Nilai bawaan bersih					
<i>Pada kos</i>	-	508	2,293	3,257	6,058
<i>Pada penilaian</i>	30,876	-	-	-	30,876
<i>Pada 31 Disember 2006</i>	30,876	508	2,293	3,257	36,934

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Tanah perladangan pegangpajak dan bangunan RM'000	Jentera, peralatan dan kendaraan RM'000	Kerja dalam perlaksanaan RM'000	Pengubahsuaian RM'000	Jumlah RM'000
SYARIKAT					
Pada 31 Disember 2005					
Kos atau penilaian					
<i>Pada 1 Januari 2005</i>					
<i>Pada kos</i>	-	3,629	3,143	247	7,019
<i>Pada penilaian</i>	33,148	-	-	-	33,148
	33,148	3,629	3,143	247	40,167
<i>Tambahan</i>	737	439	37	99	1,312
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	33,885	4,068	3,180	346	41,479
<i>Mewakili:</i>					
<i>Pada kos</i>	737	4,068	3,180	346	8,331
<i>Pada penilaian</i>	33,148	-	-	-	33,148
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	33,885	4,068	3,180	346	41,479
Susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul					
<i>Pada 1 Januari 2005</i>					
<i>Susutnilai dikenakan bagi tahun (Nota 5)</i>	715	729	-	-	1,444
<i>Kerugian rosotnilai bagi tahun (Nota 5)</i>	-	62	1,785	346	2,193
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	2,512	3,341	1,801	346	8,000
Nilai bawaan bersih					
<i>Pada kos</i>	-	727	1,379	-	2,106
<i>Pada penilaian semula</i>	31,373	-	-	-	31,373
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	31,373	727	1,379	-	33,479

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

- (a) Sekiranya bawaan bersih hartanah, loji dan peralatan yang telah dinilai semula yang telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2006 dibawa pada model kos, ianya adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Bangunan	412	733	-	-
Loji dan mesin	12,566	14,989	-	-
Tanah perladangan pegang pajak jangka panjang	7,494	12,928	3,793	4,097
Tanah perladangan pegang pajak jangka pendek	17,394	18,026	-	-
	37,866	46,676	3,793	4,097

- (b) Pada tahun kewangan, hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat yang diperolehi pada agregat kos masing-masing sebanyak RM21,052 (2005: RM12,185) dan RM6,349,000 (2005: RM1,312,000) yang mana RM256,000 (2005: RMTiada) dan RMTiada (2005: RMTiada) diperolehi melalui cara sewa beli. Nilai dibawa bersih hartanah, loji dan peralatan di bawah sewa beli adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Mesin, peralatan dan kenderaan	270,405	-

- (c) Nilai buku bersih hartanah, loji dan peralatan dicagarkan kepada institusi kewangan bagi pinjaman bank sepertimana di Nota 9 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tanah perladangan pegang pajak jangka panjang	-	3,525	-	-

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

10. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

- (d) Senarai terperinci nilai hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2006 yang dinilai oleh jurunilai bebas adalah seperti berikut:

Kumpulan

Tahun penilaian	Perihal harta	Amaun penilaian RM'000	Asas penilaian
1982	Bangunan	13,486	Kaedah Pelaburan
1982	Kenderaan bermotor	176	Kaedah Kos Gantian setelah disusutnilai
2002	Loji dan mesin	37,788	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Tanah pegang pajak	84,046	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Tanah milik bebas	800	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Bangunan	1,700	Nilai Pasaran Terbuka
2005	Bangunan	3,250	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Tanah perladangan pegang pajak jangka panjang	41,937	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Tanah perladangan pegang pajak jangka pendek	42,052	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Tanah perladangan pegang pajak jangka pendek	22,948	Nilai Pasaran Terbuka
2001	Tanah pegang pajak jangka panjang	10,200	Kaedah Pembandingan
		258,383	

Syarikat

Tahun penilaian	Perihal harta	Amaun penilaian RM'000	Asas penilaian
2001	Tanah pegang pajak jangka panjang	10,200	Kaedah Pembandingan
2002	Tanah perladangan pegang pajak jangka pendek	22,948	Nilai Pasaran Terbuka
		33,148	

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

11. ASET BIOLOGI

	2006 RM'000	2005 RM'000
KUMPULAN		
(a) Perbelanjaan pembangunan perladangan		
Pada kos atau penilaian		
Pada 1 Januari		
Pada kos	28,305	27,712
Pada penilaian	331,515	331,515
	359,820	359,227
Tambahan	238	593
Pelupusan	(53)	-
Pada 31 Disember	360,005	359,820
Mewakili:		
Pada kos	28,490	28,305
Pada penilaian	331,515	331,515
Pada 31 Disember	360,005	359,820
(b) Ternakan		
Pada kos		
Pada 1 Januari	7,700	6,708
Tambahan	1,058	996
	8,758	7,704
Pelupusan terkumpul	(8,000)	(7,014)
Pada 31 Disember	758	690
Jumlah	360,763	360,510
	2006 RM'000	2005 RM'000
SYARIKAT		
Pada penilaian		
Perbelanjaan pembangunan perladangan	27,535	27,535

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

11. ASET BIOLOGI (SAMB.)

- (a) Sekiranya bawaan bersih aset biologi yang telah dinilai semula yang telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2006 dibawa pada model kos, ianya adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan pembangunan perladangan	293,004	293,004	-	-
Perbelanjaan pembangunan perladangan baru	17,748	17,748	-	-
	310,752	310,752	-	-

- (b) Butiran mengenai aset biologi yang dinilai oleh penilai profesional untuk aset biologi milik Syarikat dan subsidiari-subsidiari pada 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

Kumpulan		Jumlah penilaian RM'000	Asas penilaian
Tahun penilaian	Butiran hartanah		
2002	Perbelanjaan pembangunan perladangan baru	38,511	Nilai Pasaran Terbuka
2002	Perbelanjaan pembangunan perladangan	293,004	Nilai Pasaran Terbuka
		331,515	

- (c) Sebelum 1 Januari 2006, perbelanjaan pembangunan perladangan diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan ternakan diklasifikasikan sebagai perbelanjaan tertunda.

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Pelaburan yang tidak tersenarai pada kos:		
- di Malaysia	160,624	157,582
Tolak: Peruntukan rosotnilai pelaburan	(10,831)	(10,831)
	149,793	146,751

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kegiatan utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2006 %	2005 %
TDM Plantation Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengendalian ladang-ladang kelapa sawit, pemprosesan dan perdagangan kelapa sawit serta produk yang berkaitan.	100	100
Kumpulan Ladang-Ladang Trengganu Sdn. Bhd.	Malaysia	Penanaman kelapa sawit dan perdagangan kelapa sawit serta produk yang berkaitan.	100	100
TDM Trading Sdn. Bhd.	Malaysia	Perdagangan minyak kelapa sawit dan produk yang berkaitan.	100	100
TDM Capital Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemegang pelaburan, penanaman kelapa sawit dan perdagangan kelapa sawit serta produk yang berkaitan.	90	90
Kumpulan Mediiman Sdn. Bhd.**	Malaysia	Pemegang pelaburan dan pembekal perkhidmatan pengurusan kepada pusat perubatan pakar.	70.64	70.64
TDM Properties Bhd**	Malaysia	Pemegang pelaburan, pembangunan hartanah dan pengurusan projek.	100	100
Indah Sari Travel & Tours Sdn. Bhd.***	Malaysia	Menamatkan operasi.	70	70
TD Ijarah Sdn. Bhd.**	Malaysia	Pemajakan Islam.	100	100
TD Poultry Sdn. Bhd.	Malaysia	Penternakan ayam bersepadu.	100	100
TDM Helling Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif.	100	100
TMG (M) Sdn. Bhd.* #	Malaysia	Tidak aktif.	100	100

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kegiatan utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2006 %	2005 %
East Coast Transportation Sdn. Bhd. *	Malaysia	Tidak aktif.	100	100
Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	33	1
Kelana Jaya Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	66.54	66.54
Dipegang oleh TDM Properties Bhd				
TD Gabongan Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif.	51	51
Dipegang oleh TMG (M) Sdn Bhd				
Chee Keng Stocks-Feeds Manufacturing Company Sdn. Bhd.* #	Malaysia	Tidak aktif.	100	100
TDM Interdagang (M) Sdn. Bhd.* #	Malaysia	Tidak aktif.	100	100
Pemco Sdn. Bhd.* #	Malaysia	Tidak aktif.	100	100
Dipegang oleh Kumpulan Ladang-Ladang Trengganu Sdn. Bhd.				
TRP Industries Sdn. Bhd.**	Malaysia	Menamatkan operasi.	80	80
KLLT Fibres Sdn. Bhd.**	Malaysia	Menamatkan operasi.	100	100
Terengganu Rubber Processing Sdn. Bhd.**	Malaysia	Tidak aktif.	99.99	99.99
TD Markwell (S) Pte. Ltd.*#	Singapura	Tidak aktif.	100	100
Dipegang oleh TRP Industries Sdn. Bhd.				
World Wide Rubber Marketing Sdn. Bhd.**	Malaysia	Menamatkan operasi.	100	100

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kegiatan utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2006 %	2005 %
Dipegang oleh Kumpulan Mediiman Sdn. Bhd.				
Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	19.97	52.81
Kuala Trengganu Special Lift Hospital Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Health Medicmaster Sdn. Bhd) **	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	100	100
Medi Air Sdn. Bhd.**	Malaysia	Menamatkan operasi.	100	100
Kelana Jaya Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	6.60	6.60
Dipegang oleh Kuala Terengganu Specialist Hospital Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Health Medicmaster Sdn. Bhd.)				
HMMC (Ampang) Sdn. Bhd.**	Malaysia	Menamatkan operasi.	99.99	99.99
Dipegang oleh TD Ijarah Sdn. Bhd.				
Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	37.17	37.78
Kelana Jaya Medical Centre ** Sdn. Bhd.	Malaysia	Pusat perubatan pakar.	21.59	21.59

* Diaudit oleh firma audit selain daripada Ernst & Young.

** Laporan juruaudit subsidiari-subsidiari yang merujuk kepada keupayaan meneruskan atas andaian usaha berterusan bergantung kepada sokongan kewangan yang berterusan daripada Syarikat. Laporan-laporan ini adalah tidak bersyarat.

*** Diaudit oleh firma audit selain daripada Ernst & Young. Laporan juruaudit subsidiari yang merujuk kepada keupayaan meneruskan atas andaian usaha berterusan bergantung kepada sokongan kewangan yang berterusan daripada Syarikat. Laporan ini adalah tidak bersyarat.

Penyatuan berdasarkan penyata kewangan yang tidak diaudit. Para pengarah beranggapan syarikat-syarikat tersebut adalah tidak aktif dan dengan itu keputusan adalah tidak ketara kepada penyata kewangan Kumpulan.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

13. LAIN-LAIN PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tersiarharga, pada kos				
Sekuriti Boleh Pasar				
Syer di dalam Malaysia	630	630	-	-
Tolak: Peruntukan rosotnilai pelaburan	(582)	(582)	-	-
	48	48	-	-
Tak tersiarharga, pada kos				
Syer di dalam Malaysia	10,443	10,443	6,070	6,070
Tolak: Peruntukan rosotnilai pelaburan	(5,844)	(5,044)	(6,070)	(5,270)
	4,599	5,399	-	800
	4,647	5,447	-	800
Nilai pasaran bagi pelaburan tersiarharga	48	48	-	-

14. KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

	Kumpulan	
	2006	2005
Perbelanjaan pembangunan, pada kos	1,583	22,796
Tolak: Tambahan	-	(207)
Campur: anggaran keuntungan	-	124
	1,583	22,713
Tolak: Tuntutan	-	(21,130)
	1,583	1,583
Tolak: Peruntukan rosotnilai pembangunan hartanah (Nota 5)	(1,583)	-
	-	1,583

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

15. INVENTORI

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada kos:				
Barangan dagangan	-	355	-	-
Barangan siap	1,480	1,455	-	355
Barangan farmasi	881	903	-	-
Bahan habisguna dan makanan	-	487	-	-
Bahan gantian, peralatan dan bahan gudang	2,610	6,313	-	-
Inventori benih	420	840	-	-
Inventori ternakan ayam	1,017	408	-	-
	6,408	10,761	-	355
Tolak: Peruntukan rosotnilai inventori	(65)	(65)	-	-
	6,343	10,696	-	355

16. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	Kumpulan	
	2006	2005
Penghutang perdagangan	36,068	30,508
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(17,443)	(13,573)
	18,625	16,935

Pendedahan utama Kumpulan pada risiko kredit timbul adalah daripada penghutang perdagangannya. Terma perdagangan Kumpulan dengan pelanggannya kebanyakannya adalah secara kredit. Tempoh kredit Kumpulan secara umumnya adalah antara 15 hingga 60 hari. Setiap pelanggan mempunyai had kredit maksima. Baki yang melebihi tempoh kredit disemak dengan kerap oleh pihak pengurusan kanan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang. Penghutang perdagangan tidak dikenakan faedah.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

17. PENGHUTANG LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Hutang daripada subsidiari	-	-	136,489	192,150
Pelbagai penghutang	64,392	43,755	21,661	7,803
Pelbagai deposit	1,343	538	104	31
Bayaran terdahulu	8,228	6,998	24	24
	73,963	51,291	158,278	200,008
Tolak: Peruntukan hutang ragu				
Pihak ketiga	(8,104)	(6,487)	(2,595)	(2,173)
Subsidiari-subsidiari	-	-	(13,737)	(13,373)
	65,859	44,804	141,946	184,462

Termasuk di dalam pelbagai penghutang Kumpulan adalah sejumlah RM5,061,687 (2005: RM5,061,687) yang dipegang oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

Jumlah hutang daripada subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran balik tetap.

18. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tunai di tangan dan di bank	18,227	12,936	123	107
Deposit dengan bank-bank berlesen	63,581	45,875	63	2
Tunai dan baki di bank	81,808	58,811	186	109
Tolak: Overdraif bank (Nota 19)	(5,089)	(2,855)	(4,935)	(2,771)
Tunai dan kesetaraan tunai	76,719	55,956	(4,749)	(2,662)

Deposit Kumpulan dengan bank-bank berlesen berjumlah RM62,807,000 (2005: RM45,266,000) adalah dicagarkan sebagai jaminan untuk bon prestasi yang dikeluarkan dan kemudahan-kemudahan perbankan yang diberikan kepada subsidiari-subsidiari tertentu sebagaimana dirujuk di Nota 20.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

18. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMB.)

Purata wajaran kadar faedah pada tahun kewangan semasa dan purata wajaran tempoh matang deposit-deposit pada 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

	Purata wajaran kadar faedah %	Purata wajaran tempoh matang hari
Bank-bank berlesen	2.5	30 - 365

19. PINJAMAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pinjaman jangka pendek				
Bercagar:				
Overdraf bank (Nota 18)	5,089	2,855	4,935	2,771
Pinjaman	187	-	-	-
Penerimaan amanah	1,321	1,022	-	-
Pemiutang sewabeli (Nota 27)	175	80	80	80
	6,772	3,957	5,015	2,851
Tidak bercagar:				
6-7% Stok Pinjaman Boleh Tukar Boleh Pindah (Nota 28)	500	500	-	-
	500	500	-	-
	7,272	4,457	5,015	2,851
Pinjaman jangka panjang				
Bercagar:				
Pinjaman	1,297	-	-	-
Pemiutang sewabeli (Nota 27)	532	515	138	218
	1,829	515	138	218
Jumlah Pinjaman				
Overdraf bank (Nota 18)	5,089	2,855	4,935	2,771
Pinjaman	1,484	-	-	-
Penerimaan amanah (a)	1,321	1,022	-	-
Pemiutang sewabeli (Nota 27)	707	595	218	298
6-7% Stok Pinjaman Boleh Tukar Boleh Pindah (Nota 28)	500	500	-	-
	9,101	4,972	5,153	3,069

(a) Penerimaan amanah diperolehi oleh TD Poultry Sdn. Bhd. dicagarkan oleh Jaminan Korporat oleh Syarikat.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

20. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pemiutang perdagangan	71,671	66,759	19	19
Pendapatan tertunda (dibayar dalam 12 bulan)	38,000	36,000	-	-
	109,671	102,759	19	19
Pendapatan tertunda (dibayar selepas 12 bulan)	78,500	74,000	-	-
	188,171	176,759	19	19

Pendapatan tertunda berkaitan dengan kontrak membekal minyak sawit mentah kepada Cargill Palm Products Sdn. Bhd. Jumlah nilai kontrak adalah RM220 juta (2005: RM170 juta) yang akan dipenuhi dalam tempoh 5 tahun bermula dari 1 April 2004 hingga 31 March 2009, di mana sepanjang tempoh tersebut, Syarikat telah memberi jaminan bank untuk memastikan kewajipan tersebut ditunaikan.

Pemiutang perdagangan tidak dikenakan faedah dan syarat kredit perdagangan biasa yang diberikan kepada Kumpulan adalah sehingga satu bulan.

21. PENGHUTANG LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Hutang kepada subsidiari	-	-	98,535	152,912
Pelbagai pemiutang	31,269	20,766	2,163	1,551
Akruan	14,466	12,725	-	2,640
Zakat	19	(39)	3	3
Terhutang kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ("PMINT")	15,574	15,574	15,574	15,574
	61,328	49,026	116,275	172,680

Jumlah terhutang kepada subsidiari dan PMINT adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tiada tempoh pembayaran balik ditetapkan.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

22. MODAL SYER

	Bilangan Syer Biasa		Jumlah	
	RM 1 Setiap satu			
	2006	2005	2006	2005
	'000	'000	RM'000	RM'000
Syer dibenarkan				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	500,000	500,000	500,000	500,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	215,524	215,524	215,524	215,524

23. RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	2006	2005	2006	2005
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Boleh diagih:				
Keuntungan/(kerugian) terkumpul	26,897	2,424	(50,605)	(69,875)
Tidak boleh diagih:				
Rizab penilaian semula	34,979	34,979	34,979	34,979
Rizab modal	210,946	210,946	31,224	31,224
Rizab tukaran wang asing	-	-	2,736	2,736
	(5)	(5)	-	-
	245,920	245,920	68,939	68,939
Jumlah rizab pada 31 Disember	272,817	248,344	18,334	(936)

Perubahan bagi setiap kategori rizab adalah dinyatakan di dalam penyata perubahan ekuiti.

Sifat dan tujuan bagi setiap kategori rizab adalah seperti berikut:

(a) Premium syer

Rizab ini terdiri daripada premium syer yang dibayar pada langganan syer di dalam syarikat melebihi dan di atas nilai setara syer. Rizab ini telah digunakan bagi tujuan terbitan syer bonus pada tahun-tahun yang lepas.

(b) Rizab modal

Rizab ini telah dihapuskan semasa penyatuan. Ia berkaitan dengan lebihan yang terhasil daripada jualan hartanah, loji dan peralatan pada tahun 1986 kepada sebuah syarikat subsidiari.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

23. RIZAB (SAMB.)

(c) Rizab tukaran wang asing

Terdiri dari semua perbezaan tukaran wang asing yang diperolehi dari terjemahan penyata kewangan syarikat subsidiari asing serta terjemahan pinjaman wang asing yang digunakan untuk membiayai pelaburan di dalam syarikat subsidiari.

(d) Keuntungan /(Kerugian) terkumpul

Merangkumi keputusan kewangan terkumpul Kumpulan dan Syarikat selepas cukai dan kepentingan minoriti.

(e) Rizab penilaian semula

Merangkumi perubahan bersih terkumpul bagi nilai saksama bagi bangunan, kenderaan bermotor, tanah perladangan jangka panjang dan jangka pendek, loji dan jentera, tanah pegangpajak dan tanah milik bebas dan perbelanjaan pembangunan perladangan, ditolak cukai tertunda.

24. MANFAAT PERSARAAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada 1 Januari	2,190	1,792	153	101
Pindahan dari penyata pendapatan (Nota 6)	(85)	1,155	57	52
Penggunaan peruntukan dalam tahun semasa	(346)	(757)	(3)	-
Pada 31 Disember	1,759	2,190	207	153

Syarikat subsidiari mengendalikan Skim Manfaat Persaraan yang tidak dibiayai untuk kakitangannya. Hanya kakitangan yang telah berkhidmat untuk subsidiari sebelum Januari 1999 layak untuk skim ini. Manfaat akan dibayar berdasarkan gaji terakhir kakitangan dan jangkamasa perkhidmatan dengan Kumpulan.

Amaun yang diiktiraf dalam lembaran imbalan adalah ditentukan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Nilai semasa obligasi manfaat tetap yang tidak dibiayai	1,954	2,877	278	193
Status dibiayai	1,954	2,877	278	193
Peralihan liabiliti yang tidak diiktiraf	(195)	(687)	(71)	(40)
Liabiliti bersih	1,759	2,190	207	153
Dianalisa sebagai:				
Semasa:				
Tidak lebih daripada 1 tahun	153	153	207	153
Tak semasa:	1,606	2,037	-	-
	1,759	2,190	207	153

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

24. MANFAAT PERSARAAN (SAMB.)

Amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	22	125	11	10
Kos faedah	132	133	15	13
Amaun peralihan diiktiraf	310	282	-	-
Tambahan peruntukan pada tahun	-	586	-	-
Perlunasan peralihan liabiliti	-	29	31	29
	564	1,155	57	52
Tolak: Terlebi peruntukan bagi tahun	(649)	-	-	-
Jumlah, termasuk dalam perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 6)	(85)	1,155	57	52

Semua kenaan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun ini adalah termasuk dalam kos kendalian.

Perubahan dalam liabiliti bersih dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada 1 Januari	2,190	1,792	153	101
Amaun diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 6)	(85)	1,155	57	52
	2,105	2,947	210	153
Pembayaran caruman	(346)	(757)	(3)	-
Pada 31 Disember	1,759	2,190	207	153

Andaian prinsipal aktuari yang digunakan:

	2006	2005
Kadar diskaun	6%	7%
Jangkaan kadar kenaikan gaji	6%	6%

Skim manfaat persaraan telah dinilai pada 12 April 2007. Pada tarikh tersebut, penilaian menunjukkan peruntukan Kumpulan adalah mencukupi untuk memenuhi nilai manfaat yang ditentukan oleh aktuari.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

25. MUHIBAH NEGATIF

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada 1 Januari	5,065	10,334
Tolak: Perlunasan (Nota 5)	-	(5,269)
	5,065	5,065
Kesan dari menerima pakai FRS 3	(5,065)	-
Pada 31 Disember	-	5,065

26. CUKAI TERTUNDA

Amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada 1 Januari	26,892	27,131	2,186	4,498
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 8)	(3,689)	(239)	(2,181)	(2,312)
Pada 31 Disember	23,203	26,892	5	2,186
Dinyatakan selepas ditolak seperti berikut:				
Aset cukai tertunda	(4,215)	(1,422)	(3,596)	(3,596)
Liabiliti cukai tertunda	27,418	28,314	3,601	5,782
	23,203	26,892	5	2,186

Komponen dan perubahan liabiliti dan aset cukai tertunda dalam tahun kewangan sebelum ditolak adalah seperti berikut:

Liabiliti cukai tertunda Kumpulan:

	Elaun modal dipercepat RM'000	Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan RM'000	Penghutang lain RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2006	(10,046)	39,016	(656)	28,314
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	392	(1,335)	47	(896)
Pada 31 Disember 2006	(9,654)	37,681	(609)	27,418

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

26. CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Liabiliti cukai tertunda Kumpulan:

	<i>Elaun modal dipercepat RM'000</i>	<i>Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan RM'000</i>	<i>Penghutang lain RM'000</i>	<i>Jumlah RM'000</i>
<i>Pada 1 Januari 2005</i>	(7,278)	36,551	(656)	28,617
<i>Diiktiraf dalam penyata pendapatan</i>	(2,768)	2,465	-	(303)
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	(10,046)	39,016	(656)	28,314

Aset cukai tertunda Kumpulan:

	<i>Elaun modal dipercepat RM'000</i>	<i>Peruntukan liabiliti RM'000</i>	<i>Penghutang lain RM'000</i>	<i>Kerugian cukai dan elaun modal tidak di gunakan RM'000</i>	<i>Jumlah RM'000</i>
<i>Pada 1 Januari 2006</i>	(4,548)	(557)	(6,965)	10,648	(1,422)
<i>Diiktiraf dalam penyata pendapatan</i>	(620)	-	(2,409)	236	(2,793)
<i>Pada 31 Disember 2006</i>	(5,168)	(557)	(9,374)	10,884	(4,215)
<i>Pada 1 Januari 2005</i>	(4,456)	(510)	(7,308)	10,789	(1,485)
<i>Diiktiraf dalam penyata pendapatan</i>	(92)	(47)	343	(141)	63
<i>Pada 31 Disember 2005</i>	(4,548)	(557)	(6,965)	10,648	(1,422)

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

26. CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Liabiliti cukai tertunda Syarikat:

	Elaun modal dipercepat RM'000	Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan RM'000	Penghutang lain RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2006	53	5,727	2	5,782
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(25)	(133)	(2,023)	(2,181)
Pada 31 Disember 2006	28	5,594	(2,021)	3,601
Pada 1 Januari 2005	78	5,860	2	5,940
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(25)	(133)	-	(158)
Pada 31 Disember 2005	53	5,727	2	5,782

Aset cukai tertunda Syarikat:

	Elaun modal dipercepat RM'000	Pemiutang lain liabiliti RM'000	Kerugian cukai dan elaun modal tidak di gunakan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2006	(3,608)	12	-	(3,596)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(1,356)	(12)	1,368	-
Pada 31 Disember 2006	(4,964)	-	1,368	(3,596)
Pada 1 Januari 2005	(96)	23	(1,369)	(1,442)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(3,512)	(11)	1,369	(2,154)
Pada 31 Disember 2005	(3,608)	12	-	(3,596)

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

26. CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf ke atas perkara-perkara berikut:

	Kumpulan	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Kerugian bercukai belum digunakan	31,609	16,753
Elaun modal belum diterapkan	10,399	16,706
	42,008	33,459

Kerugian cukai belum digunakan dan elaun modal belum diterapkan boleh dilaras dengan keuntungan bercukai Syarikat dan subsidiari-subsidiari berkenaan pada masa hadapan, tertakluk kepada tiada perubahan ketara dalam pemegang syer Syarikat dan subsidiari-subsidiari tersebut di bawah Seksyen 44(5A) dan (5B) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

27. PEMIUTANG SEWABELI DAN PAJAKAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pembayaran minima :				
Tidak lebih dari 1 tahun	207	92	92	92
Lebih dari 1 tahun dan tidak lebih dari 2 tahun	207	92	92	92
Lebih dari 2 tahun dan tidak lebih 5 tahun	432	456	67	159
	846	640	251	343
Tolak: Tanggungan kewangan	(139)	(45)	(33)	(45)
Nilai kini liabiliti sewabeli	707	595	218	298
Analisa Nilai kini liabiliti sewabeli:				
Tidak lebih daripada 1 tahun	175	80	80	80
Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih 2 tahun	175	515	80	80
Lebih daripada 2 tahun dan tidak lebih 5 tahun	357	-	58	138
	707	595	218	298
Tolak: Matang dalam 12 bulan (Nota 19)	(175)	(80)	(80)	(80)
Matang selepas 12 bulan (Nota 19)	532	515	138	218

Pemiutang sewa beli dan liabiliti pajakan dikenakan kadar faedah purata pada tarikh lembaran imbalan sebanyak 2.6% hingga 5.5% (2005: 3.0% hingga 5.5%) setahun.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

28. '6%-7% STOK PINJAMAN BOLEH TUKAR BOLEH PINDAH ("TCULS")

TCULS boleh dipindahkan dan boleh ditukarkan kepada syer biasa subsidiari berbayar penuh sepanjang tempoh lima tahun dari tarikh penerbitan i.e pada 27 Oktober 1998, Sijil Stok Pinjaman Boleh Tukar pada nilai setara TCULS RM1.00 untuk setiap satu syer biasa bernilai RM1.00 setiap satu di dalam subsidiari.

Sebaik saja penukaran TCULS kepada syer biasa, saham tersebut akan berkedudukan "pari passu" di dalam semua segi dengan syer biasa subsidiari melainkan ianya tidak layak untuk sebarang dividen atau sebarang agihan yang diisytiharkan untuk tahun kewangan sebelum tahun kewangan TCULS ditukar.

TCULS tertunggak pada tarikh matang akan ditukarkan oleh subsidiari pada tarikh tersebut pada kadar seratus peratus (100%) pada nilai taranya. Tarikh matang ialah Oktober 2003, selepas ia mencapai tempoh lima tahun dari tarikh terbitannya.

TCULS dikenakan faedah 6% setahun di atas jumlah pokok terutang untuk 2 tahun dari tarikh penerbitan Sijil Stok Pinjaman dan 7% setahun untuk 3 tahun berikutnya hingga tarikh matang.

29. PENGLIBATAN MODAL

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan - Hartanah, loji dan peralatan	5,542	211	-	-
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan - Hartanah, loji dan peralatan	12,870	17,943	-	-

30. LIABILITI LUAR JANGKA

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Bercagar:				
Jaminan korporat yang diberikan kepada institusi kewangan bagi kemudahan pinjaman yang diberikan untuk subsidiari	1,474	1,106	1,474	1,106

- (a) Seorang bekas pengarah subsidiari telah membuat tuntutan sebanyak RM2,200,000 terhadap subsidiari kerana kesilapan penamatan kontrak. Peruntukan sebanyak RM654,000 telah dibuat di dalam penyata kewangan Syarikat. Para pengarah, berdasarkan nasihat guaman, berpendapat tuntutan ini tidak akan berjaya dan keputusan akan memihak kepada Kumpulan.

*nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006*

30. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMB.)

- (b) Tuntutan sebanyak RM85,000 telah difailkan oleh seorang bekas kakitangan bagi tuntutan pampasan manfaat persaraan. Tiada peruntukan dibuat di dalam penyata kewangan Syarikat. Para pengarah, berdasarkan nasihat guaman, berpendapat tuntutan ini tidak akan berjaya dan keputusan akan memihak kepada Kumpulan.
- (c) Selepas tahun kewangan, satu saman sivil telah difailkan terhadap salah satu subsidiari atas kecuaiian perubatan berjumlah RM207,000, tidak termasuk faedah dan kos. Para pengarah subsidiari, berdasarkan nasihat guaman, berpendapat tuntutan ini dapat ditentang. Pendengaran untuk saman sivil ini belum lagi ditetapkan.

31. DIVIDEN

Pada Mesyuarat Agong Tahunan yang akan datang, dividen terakhir bagi tahun kewangan 31 Disember 2006, sebanyak 2.74% ditolak 27% cukai akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang-pemegang syer.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambilkira dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang syer akan diambilkira dalam ekuiti pemegang syer sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2007.

32. URUSNIAGA PENTING DENGAN SYARIKAT BERKAITAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pendapatan dividen	-	-	(21,154)	-
Yuran pengurusan yang dikenakan kepada subsidiari-subsidiari	-	-	5,200	5,200
Susunilai hartanah, loji dan peralatan dikenakan kembali kepada syarikat berkaitan	(1,114)	(836)	-	-

Para pengarah berpendapat bahawa urusniaga di atas telah dijalankan menurut pengurusan perniagaan yang biasa dan berdasarkan syarat-syarat yang tidak berbeza dengan urusniaga dengan pihak ketiga.

33. PERISTIWA SUSULAN

Pada 28 Febuari 2007, Kumpulan Mediiman Sdn. Bhd., syarikat subsidiari telah menambahkan modal syer biasa dibenarkan daripada RM5,000,000 kepada RM25,000,000 melalui penciptaan sebanyak 20,000,000 syer biasa RM1 setiap satu dan menambahkan modal syer biasa diterbitkan dan dibayar penuh daripada RM4,400,000 kepada RM13,585,675 secara terbitan sebanyak 9,185,675 syer biasa RM1 setiap satu kepada syarikat induk, TDM Berhad melalui permodalan hutang berjumlah RM9,185,675.

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

34. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi tersedia bagi pembangunan perniagaan Kumpulan dan dalam masa yang sama menguruskan risiko-risiko matawang asing, kadar faedah, pasaran, kredit, kecairan dan aliran tunai Kumpulan. Operasi Kumpulan berpandukan prinsip-prinsip yang jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga dan polisi Kumpulan adalah untuk tidak terlibat dalam urusniaga yang berasaskan spekulasi.

(b) Risiko Kadar Faedah

Pendedahan utama Kumpulan kepada risiko kadar faedah berkait dengan hutang mengandungi faedah, disebabkan Kumpulan tidak mempunyai aset yang mengandungi faedah jangka panjang pada 31 Disember 2006. Pelaburan dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan tidak digunakan untuk tujuan spekulasi tetapi kebanyakannya disimpan sebagai deposit tetap yang memberi perolehan yang lebih baik dari tunai di bank.

Kumpulan mengawal tahap pendedahan kadar faedah dengan menggabungkan pinjaman berkadar faedah tetap dan berubah. Kumpulan sentiasa mengkaji portfolio pinjaman, dengan mengambil kira jangka masa pelaburan dan kriteria aset-asetnya. Strategi ini membolehkan Syarikat untuk memanfaatkan pinjaman yang murah di dalam suasana kadar faedah yang rendah dan melindungi Syarikat sehingga tahap tertentu daripada kesan kenaikan kadar faedah.

Jadual berikut menunjukkan nilai pembawa, purata wajaran kadar faedah efektif (WAEIR) pada tarikh lembaran imbalan dan baki kematangan instrumen kewangan Kumpulan dan Syarikat yang terdedah kepada risiko kadar faedah:

	Nota	WAEIR %	Dalam 1 Tahun RM'000	1-2 Tahun RM'000	2-3 Tahun RM'000	3-4 Tahun RM'000	4-5 Tahun RM'000	Lebih 5 Tahun RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan									
Pada 31 Disember 2006									
Kadar tetap									
Pinjaman	19	8	(187)	(187)	(187)	(187)	(187)	(549)	(1,484)
Penerimaan amanah	19	4	(1,321)	-	-	-	-	-	(1,321)
Pemutang sewa beli	19	4	(175)	(175)	(155)	(97)	(74)	(31)	(707)
Kadar terapung									
Overdraf bank	19	9	(5,089)	-	-	-	-	-	(5,089)
Tunai dan bank	18	2.5	81,808	-	-	-	-	-	81,808

nota-nota kepada penyata kewangan
pada 31 Disember 2006

34. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(b) Risiko Kadar Faedah (samb.)

Nota	WAEIR	Dalam 1 %	1-2	2-3	3-4	4-5	Lebih 5	Tahun	Jumlah
			Tahun	Tahun	Tahun	Tahun	Tahun		
			RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan									
